



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**ARAHAN MENTERI BERKENAAN PEMBATALAN
ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR
FREKUENSI 2500 MHz HINGGA 2690 MHz, ARAHAN MENTERI NO. 3 TAHUN
2020**

ARAHAN MENTERI NO. 6 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 dan 8 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ("**Akta**"), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Berkenaan Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2500 MHz Hingga 2690 MHz, Arahan Menteri No. 3 Tahun 2020, Arahan Menteri No. 6 Tahun 2020.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

**Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur
Frekuensi 2500 MHz Hingga 2690 MHz, Arahan Menteri No. 3 Tahun 2020**

4. Berdasarkan seksyen 7 dan 8 Akta, Menteri dengan ini membatalkan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2500 MHz Hingga 2690 MHz, Arahan Menteri No. 3 Tahun 2020.

Tarikh: 15 JUN 2020

[KKMM-BKM (S)-600-1/6/2 (6)]

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia